

UNIMEL laksana inisiatif mobiliti hijau, kampus lestari

Mohd Salman Hamat

KUALA LINGGI - Komitmen Melaka dalam memperkasa inisiatif hijau sekali lagi diterjemahkan merusi pengenalan perkhidmatan sewaan motosikal elektrik di Kampus Universiti Islam Melaka (UNIMEL) Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah.

Timbalan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri Datuk Zulkiflee Mohd Zin berkata, inisiatif itu juga membuktikan komitmen UNIMEL ke arah pemerksaan kampus lestari melalui penggunaan mikromobiliti berasaskan motosikal elektrik.

Katanya, usaha itu hasil komitmen UNIMEL, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) dan Superlux Sdn Bhd iaitu rakan pengendali yang mengurus

penyediaan motosikal, sistem sewaan serta penyelenggaraan.

"Usaha ini membawa kepada satu lonjakan baharu inovasi pengangkutan dan pergerakan warga kampus UNIMEL. Saya difahamkan inisiatif ini dimulakan awal Disember dengan menempatkan 20 unit motosikal elektrik sekitar kolej kediaman dan Dataran Siswa UNIMEL sebagai permulaan.

"Corak penggunaan direkodkan menerusi aplikasi Hapi Ride dibangunkan Superlux Sdn Bhd menunjukkan peningkatan ketara, sekali gus mencerminkan keberkesanan pelaksanaan mobiliti hijau di kampus," katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran Inisiatif Teknologi Hijau Negeri Melaka: Mikromobiliti Kampus di Dewan Auditorium Ibnu Khaldun UNIMEL, di sini, 18 Disember lalu.

Hadir sama, Naib Canselor UN-

IMEL Prof. Datuk Ts. Dr. Abdul Khalil Shawkataly; Ketua Pegawai Eksekutif PTHM, Ts. Noramirul Nizam Kamis dan Ketua Pegawai Eksekutif, Superlux Sdn Bhd, Fahmi Barakbah Mohamed Salleh.

Zulkiflee berkata, susulan sambutan memberangsangkan ditunjukkan warga UNIMEL, PTHM berhasrat memperluaskan perkhidmatan sewaan motosikal elektrik ke universiti awam dan swasta seluruh Melaka.

Menurutnya lagi, perkhidmatan sama juga mungkin diperluaskan ke lokasi tumpuan pelancongan di Melaka seperti Banda Hilir.

"Diharapkan inisiatif sudah terlaksana ini menjadi ikutan institusi pengajian tinggi (IPT) lain di Melaka, bersama-sama kita mempromosikan mikromobiliti dan kelestarian kampus," katanya.

UNIMEL


 الجامعة الإسلامية بملقا
**UNIVERSITI
 ISLAM MELAKA**


ZULKIFLEE (dua dari kanan) bersama Prof. Ts. Dr. Abdul Khalil (kanan); Ts. Noramirul Nizam (kiri) dan Fahmi ketika menyempurnakan gimik Peluncuran Inisiatif Teknologi Hijau Negeri Melaka: Mikromobiliti Kampus di Dewan Auditorium Ibnu Khaldun UNIMEL.